

KL bandar raya terbaik dunia 2025



Dari kiri: Ahmad Fahmi, Nor Hisham, Alias dan Suraya pada sesi Wacana Sinar Harian Siri 153 bertajuk Masa Depan Kuala Lumpur Sebagai Kota Dunia di Dewan Karangraf, Shah Alam kelmarin.

Pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya terbaik

SHAH ALAM

Kuala Lumpur mampu menjadi bandar raya terbaik dunia menjelang 2025 berdasarkan kepada pelbagai usaha yang sedang giat dilaksanakan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, Kuala Lumpur mempunyai ciri-ciri sedia ada pada kota-kota lain di dunia dan tidak terkecuali menghadapi permasalahan sama seperti dihadapi kota lain.

Bagaimanapun, menurutnya, Kuala Lumpur kini ke arah perubahan dalam memastikan setiap masalah dapat dikurangkan dengan pelbagai pendekatan yang dilaksanakan.

"Di mana-mana pun masalahnya sama. Kesakan trafik, banjir kilat dan sebagainya. Untuk memastikan masalah selesai 100 peratus agak mustahil tetapi kita boleh kurangkan.

"Apabila masalah asas dapat dikurangkan, Kuala Lumpur boleh menjadi bandar raya terbaik yang *vibrant*, mempunyai ciri-ciri kemanusiaan, aktiviti ekonomi, alam sekitar dan perpaduan.

"Pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia 2020 itu sendiri membuktikan Kuala Lumpur dilihat sebagai bandar raya yang boleh dicontohi," katanya pada program Wacana Sinar Harian Siri 153 bertajuk Masa Depan Kuala Lumpur Sebagai Kota Dunia di Dewan Karangraf di sini kelmarin.

Wacana tersebut turut di-barisi dua panel lain iaitu Pakar Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Islam An-

tarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Datuk Dr Alias Abdullah dan Pengarah Penyelidikan, Institut Pendidikan Khazanah (KRI), Dr Suraya Ismail. Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Ahmad Fahmi Mohd Samsudin bertindak sebagai moderator.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penyediaan kemudahan perumahan yang benar-benar mampu milik kepada warga Kuala Lumpur merupakan salah satu aspek yang menjadi fokus dalam memastikan Kuala Lumpur layak menjadi sebagai bandar raya terbaik.

Katanya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini merancang menjadikannya sebagai rumah harapan masa depan dengan penyediaan kediaman mampu milik berharga bawah RM150,000.

"Kajian akan dibuat pada tahun ini supaya harga boleh turun kepada RM150,000 ke bawah. Ini adalah cita-cita kita yang akan dinyatakan dalam Pelan Perancangan 2040.

"Ini bukannya mimpi tapi kita nak tunjuk kepada orang luar, termasuk pemaju bahawa kerajaan boleh buat rumah mampu milik bawah RM150,000 ke bawah bagi penduduk Kuala Lumpur," katanya.

Selain itu, katanya, pelbagai inisiatif lain juga telah dilaksanakan melibatkan pelbagai aspek lain termasuk penyediaan rumah bandar untuk 350 belia yang bekerja di Kuala Lumpur, menaik taraf golongan penjaja sehingga menjadi produk pelancongan.

Tambah Nor Hisham, dalam pelaksanaan pelbagai usaha itu, tidak dinafikan DBKL juga berdepan cabaran mentaliti warga kota yang sukar untuk berubah, namun pendekatan diambil dengan tidak terus menjatuhkan hukum sebaliknya terus mendidik.

Justeru, katanya, usaha tersebut tidak sepatutnya hanya diletakkan pada bahu DBKL tetapi juga dilakukan bersama pelbagai agensi secara total.



NOR HISHAM